# Pelajar2 wanita berkursus silat

6 JAN 1972

MELAKA, Rabu — Sa-ramai 80 orang penuntut2 Sekolah Tinggi Melaka telah membuka sa-buah kelas seni Silat Sendeng bertempat di-sekolah tersebut baru2 ini.

Di-antara peserta yang mengikuti seni silat itu termasok empat orang wanita dari tingkatan enam.

Mereka ia-lah Habibah Budi, Ramlah Bujang, Rafidah Yahya dan Sahidah Sha'ari. (Gambar atas).

Guru Silat Sendeng itu ia-lah Enche Idros bin Ya'acub dan pelajaran di-adakan sa-minggu tiga kali telah di-jalankan sejak dua minggu lalu.

# *Kerajaan bersedia bantu seni silat gayong — Harun*

21 JAN 1972

Oleh HAMID BENDAHARA

KUALA LUMPUR, Khamis. — Menteri Besar Selangor, Dato Harun Haji Idris, memberi jaminan bahawa Kerajaan negeri bersedia memberi segala kemudahan dan bantuan bagi memperluaskan pengaroh Seni Silat Gayong di-kalangan belia2 di-negeri ini.

Dalam hubongan ini, tegas beliau, arahan telah di-keluarkan supaya satu pejabat khas di-bena berhampiran dengan tempat kediaman-nya di-Jalan Raja Muda di-sini bagi menempatkan Pegawai Kemajuan Sukan Negeri.

## Kegiatan2

"Dengan chara ini, saya sendiri akan dapat memerhatikan sa-chara dekat kegiatan2 dan latehan2 yang di-berikan kapada belia2 yang berminat dalam Seni Silat Gayong itu," tambah beliau.

Dato Harun berkata demikian ketika beruchap di-majlis pertunjokan silat gayong oleh kira2 30 orang ahli Persatuan Silat Gayong Malaysia, Chawangan Selangor di-Dewan Belia Kampong Pandan di-sini semalam.

Turut hadhir dalam majlis itu ia-lah sa-ramai 24 orang ahli Persatuan Penchak Silat dari Sabah, yang sedang melakukan lawatan muhibbah ka-Malaysia Barat.

Dato Harun yang menjadi Imam Khalifah Silat Seni Gayong Malaysia menerangkan bahawa pehak Kerajaan menggalakkan belia2 mempelajari seni tersebut sa-bagai satu dari chara2 mempertahankan diri dari bahaya.

## Pengaroh

Kata-nya, di-Malaysia, berbagai chara mempertahankan diri, saperti Karete dan Tae Kwon Do, di-galakkan dan Silat Seni Gayong juga tidak kurang pengaroh-nya di-kalangan belia2 Melayu.

Tegas-nya, segala usaha mesti-lah di-jalankan oleh Persatuan Seni Silat Gayong bagi mempopularkan seni tersebut di-seluroh negara.

"Belia2 mesti-lah chuba menchebor diri dalam seni Silat Gayong ini sa-bagai satu chara mempertahankan diri. Sedia-lah payong sa-belum hujan.

"Jangan sampai masa yang kita baru saja hendak menchari payong ketika hujan sudah turun," tambah beliau.

Kapada pelateh2 silat gayong Dato Harun menasihatkan supaya berlateh betul2 sa-hingga berjaya menchapai kebolehan yang chemerlang.

"Saudara2 juga mesti-lah juga mempraktikkan pengetahuan2 yang telah di-perolehi supaya tidak akan terlupa," kata-nya.

Dato Harun juga berharap supaya adat2 resam Melayu yang di-pelajari-nya itu juga di-praktikkan.

"Sikap hormat menghormati antara satu sama lain juga mesti-lah di-galakkan di-kalangan saudara2," tambah beliau.

21 JAN 1972

## Harapan

Sementara itu, Ketua Bahagian Adat Seni Silat Gayong, Enche Ya'acob Hassan, dalam uchapan-nya menegaskan bahawa ada-lah menjadi keazaman Persatuan-nya untok menghidupkan adat resam orang2 Melayu yang berbudi pekerti itu.

"Adat2 yang di-jalankan di-zaman pemerentahan Raja2 Melayu itu sangat di-sunjong tinggi dan patut di-galakkan semula," kata-nya.

Beliau kesal kerana sa-tengah belia2 Melayu telah di-pengarohi oleh adat2 asing yang tidak mendatangkan keuntongan, malah merugikan saja.

Beliau juga berharap lebeh ramai lagi belia2 Melayu terdiri dari lelaki dan perempuan mempunyai minat dalam Seni Silat Gayong.